

**Title** : Masyarakat Penyayang  
**Author(s)** : Rathiga & Reega  
**Institution** : School of Social Sciences, Universiti Sains Malaysia  
**Category** : Article  
**Topic** : Community, Society  
**Publisher** :

## Pengenalan

Hari ini hubungan kemasyarakatan tidak lagi menurut luras-luras, akhlak yang murni, akan tetapi lebih dibelenggu oleh nafsu dan emosi. Kita boleh melihat luaran dan keterampilan seseorang itu yang mengagumkan dan terpesona. Bagaimanapun dalam pada itu terselit juga jiwa yang amarah diluar kawalan nilai yang murni.

Bagaimanapun wujud kesedaran dalam masyarakat. Setiap anggota masyarakat mestilah hidup bantu-membantu antara satu sama lain untuk membolehkan mereka hidup dalam suasana yang harmoni. Apabila berlaku sesuatu kesusahan, maka anggota masyarakat bersedia menghulurkan bantuan.

Sebagai manusia normal yang tidak menghadapi sebarang masalah hidup dan sentiasa mengejar kesenangan dan kemewahan kita kadang-kadang lupa kepada golongan yang tersisih ini seolah-olah tidak pernah wujud dalam masyarakat kita. Dalam keghairahan mereka belumba-lumba mengejar kemewahan ini, mereka kadang-kala sanggup melanggar segala etika, peraturan, menepikan tatasusila murni masyarakat. Rasa belas kasihan dan kemanusiaan adalah falsafah lapuk yang tidak menjadi pertimbangan mereka, kerana yang penting adalah keuntungan besar yang dapat diraih. Norma dan nilai masyarakat telah turut berubah. Segala nilai-nilai yang mulia diketepikan dalam perbuatan mengejar kekayaan sehingga merosotlah tahap dan piawaian akhlak masyarakat.

Perspektif Islam ia telah memberikan asas dan panduan dalam bentuk masyarakat yang bernilai budaya tinggi.

Menurut David W. Johnson dalam bukunya ('Reaching Out' muka surat 12)

“.....In fact, the most distinctive aspect of being alive is the potential for joy, fun, excitement, caring , warmth and personal fulfillment in our relationships with other people.....”

Maka perlulah kita tanyakan diri kita sendiri apakah pentingnya kita itu kepada hubungan sesama manusia ini? Sekiranya kita sudah serba cukup apakah mesti kita berharap pada orang lain juga. Sesungguhnya hubungan sesama manusia ini amatlah perlu dan amat bererti kepada diri kita dan kesejahteraan kita sendiri. Dalam mana ianya dapat membantu menanamkan semangat bermasyarakat dan bertanggungjawab terhadap ahli-ahli masyarakat serta membentuk amalan, sikap positif dan bekerjasama pada diri serta keperibadian seseorang individu itu sendiri.

Hidup berkasih sayang sesama manusia adalah amalan yang disuruh oleh agama Islam. Tuhan menuntut umatnya berbaik-baik sangka sekalipun dari berbagai-bagai bangsa dan keturunan. “we must love one another die” tuhan mengerah manusia itu sama-sama ingat-mengingati kepada jalan yang benar dan melarang kepada jalan yang salah

Salah satu cabaran Wawasan 2020 ialah mewujudkan Masyarakat Penyayang dan budaya menyayangi, iaitu sistem sosial yang mementingkan masyarakat lebih daripada diri sendiri, dengan kebajikan insan tidak berkisar pada negara atau orang perseorangan tetapi di sekeliling sistem keluarga yang kukuh. Masyarakat penyayang membawa maksud orang yang mengambil berat tentang orang lain tanpa ambil kira kaum, bangsa dan negara.

Masyarakat juga yang mempunyai persefahaman antara semua. Masyarakat penyayang ialah mereka yang mempunyai sifat perikemanusiaan dan perikehaiwanan. Masyarakat penyayang bukan sahaja menunjukkan kasih sayang mereka terhadap manusia malah terhadap haiwan dan alam sekitar juga.

Pelbagai pihak harus bergandeng bahu bagi mewujudkan masyarakat penyayang. Pihak-pihak tersebut ialah seperti individu, keluarga, jiran, masyarakat, organisasi dan negara.

## **1) Individu**

Secara umum dapatlah dikatakan bahawa individu adalah asas bagi permulaan masyarakat penyayang. Individu dikatakan mewujudkan masyarakat penyayang melalui melakukan kerja-kerja sukarela. Kesukarelaan adalah berasaskan kepada niat dan pertimbangan individu terhadap persekitaran yang terdapat dalam sesuatu waktu. Ia dilakukan bukan bertujuan mendapatkan apa-apa ganjaran melainkan kepuasan diri.

Mengikut maklumat laman web <http://www.masyarakat-penyayang.org> adalah asas kepada kekuatan kerja-kerja sosial. Memadai jika ditakrifkan voluntarism sebagai semangat sukarela yang pelaksanaannya tidak melibatkan dan tidak memerlukan paksaan dan sebarang upahan. Ia berlandaskan kerelaan pelaku untuk menjalankan sesuatu aktiviti atau tugas disebabkan kesedaran, keinsafan yang mungkin dipengaruhi oleh suasana dan faktor-faktor psikologi, sosial, ekonomi atau keagamaan yang mendorongkannya bertindak demikian. Selain itu, mereka yang melakukan kerja sukarela akan mempunyai kasih sayang, simpati dan perikemanusiaan untuk menghulurkan bantuan mereka kepada mereka yang amat memerlukannya. Umumnya kerja-kerja kebajikan yang terdapat di negara ini mempunyai pertalian rapat dengan semangat voluntarisme yang juga merupakan asas kerja sosial universal.

*"The grandparents of social work in this country (England) are typified by the Charity Organisation Society and the police court missionaries" (E. Young husband)*

Kerja-kerja sukarela juga tidak hanya berlaku kerana adanya rasa simpati kepada seseorang individu atau kelompok, tetapi ia dilakukan kerana adanya rasa accountability. Dengan lain perkataan, kesukarelaan dapat juga dimaksudkan sebagai ada hak orang lain terhadap apa yang ada bagi diri seseorang individu itu.

Prinsip kesukarelaan dalam Islam adalah jelas. Asas utamanya ialah menitikberatkan keperluan manusia Muslim memelihara hubungan yang rapat dengan Tuhan yang menciptakan hamba-hambanya (hablu min Allah) dan pada waktu yang sama Islam menegaskan keperluan manusia memelihara hubungan sesama manusia (hablun min an nas). Islam menekankan peri pentingnya semangat pengorbanan (ruh al-tadhiyyah) berlaku dalam diri seorang individu Muslim. Pengorbanan diri seorang Muslim itu mempunyai nilai yang paling tinggi di sisi Allah s.w.t kerana balasannya ialah pahala yang akan dikecapi pada hari akhirat nanti.

Kegiatan sukarela mempunyai nilai yang tinggi dalam masyarakat. Di antara nilai yang terpenting ialah wujudnya perasaan kasih sayang sesama manusia. Sifat ini amat penting untuk mengelakkan berlakunya konflik peribadi yang berterusan dalam sesebuah masyarakat. Perasaan benci dan hasad dengki dapat dikurangkan apabila masyarakat melihat adanya semangat bantu membantu secara sukarela apabila berlaku sesuatu kejadian buruk atau sesuatu peristiwa yang mendukacitakan. Dengan lain perkataan, nilai persaudaraan akan wujud secara hakiki apabila kerja-kerja kesukarelaan dapat berjalan dengan berkesan.

Menerusi aktiviti sukarela juga masyarakat akan bersatu padu. Perpaduan sesebuah masyarakat itu adalah penting untuk kestabilan politik terutama sekali dalam sebuah masyarakat majmuk seperti Malaysia. Perpaduan negara yang diasaskan dengan usaha kesukarelaan yang ikhlas akan menjamin wujudnya sebuah masyarakat penyayang.

## 2) Keluarga

Bagi melahirkan masyarakat penyayang dan prihatin terhadap kehidupan adalah bermula daripada keluarga dan meluas ke dalam masyarakat Islam telah memberikan pelbagai asas panduan. Antaranya membentuk satu cara hidup keluarga yang mempunyai sifat kasih sayang dan belas kasihan iaitu mawaddah dan rahmah. Intitusi keluarga juga memainkan peranan yang amat penting kerana ia merupakan tapak semaian bagi sesebuah masyarakat. Masyarakat yang prihatin adalah lahir dari rumah tangga yang aman damai dan seterusnya menghasilkan produktiviti yang baik. Jika rasa kecintaan wujud dalam keluarga, negara akan sejahtera kerana kecintaan kepada keluarga akan mewujudkan kecintaan kepada sanak-saudara, jiran, anggota dan pimpinan dalam masyarakat dan seterusnya kepada pimpinan negara. Jika kecintaan ini wujud sudah tentu mereka hidup dalam keadaan saling percaya mempercayai antara mereka dan akan timbul persefahaman untuk mempertahankan negara yang mereka cintai.

Institusi kekeluargaan adalah ciri-ciri pembentukan sesebuah masyarakat itu. Melalui proses kekeluargaan inilah ahli-ahli masyarakat itu disesuaikan dengan kebudayaan dan norma-norma masyarakat, nilai hidup, kelakuan dan pengetahuan.

Adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa sebagai peneraju keluarga mendidik anak-anak mereka dengan menyemai sifat belas kasihan dan kasih sayang. Sebaik-baik teladan dalam rumah tangga adalah ibu bapa dan di sekolah adalah guru yang mendidik setiap hari. Mereka sebenarnya membentuk acuan selain daripada rakan sejawat dan suasana sekeliling.

Agama juga mengajar seseorang untuk menjadi insan yang penyayang. Agama akan melahirkan generasi yang berohani dan keimanan yang berakhlak mulia dan sebagainya. Menurut bible “ Love your neighbour as u love yourself”, merupakan salah satu daripada 10

‘commanment’. Ia membawa maksud sayangilah semua orang di sekeliling mu seperti anda menyayangi diri anda sendiri.

### **3) Jiran**

Dalam laman web [hppp/www.jiran.com](http://hppp/www.jiran.com) jiran menjadi asas masyarakat penyayang. Jiran adalah orang yang hampir dengan kehidupan kita. Mereka kebiasannya mengenali diri dan keluarga kita. Amat malang sekali jika kita sebagai jiran tidak mengenali antara satu dengan lain. Mengikut undang-undang, jiran tidak berbatas kepada orang yang dekat bahkan lebih luas lagi. Islam mahukan jiran yang mesra dan faham-memahami serta saling hormat-menhormati antara satu dengan lain. Dalam hubungan ini kita renungkan sabda hadis Rasulullah s.a w yang menghuraikan tentang hak jiran.

Antaranya menyatakan apabila dia (jiran) sakit kamu mengunjungilah apabila ia meninggal kamu pergi menziarahinya, apabila dia miskin kamu bantu kewangannya, apabila dia gembira kamu ucapkan tahniah, apabila dia ditimpa bencana kamu tunjukkan rasa simpati.

Alangkah indahny saranan dari hadis tersebut. Jika kita daripada melakukannya nnescaya matlamat untuk menjadi masyarakat penyayang akan mudah tecapai kerana dalamnya mengandungi nilai-nilai murni yang mendidik kita supaya membantu jiran dan melahirkan rasa kasih sayang dan belas kasihan kepada orang lain

### **4) Masyarakat**

Nilai-nilai lain yang perlu kita pupuk dalam masyarakat menghayati Cinta Negara alah kejujuran, keikhlasan, tolong menolong dan bertolak ansur. Semua sifat yang dinyatakan ini jika kita amati telah disuburkan lagi oleh Perdana Menteri melalui falsafah Wawasan

2020. Sembilan cabaran dalam wawasan seperti Membina Bangsa Malaysia Yang Bersatu Padu, Membina Masyarakat Berjiwa Bebas, Tenteram dan Berkeyakinan, Memupuk dan membina Masyarakat yang Matang, Liberal dan Toleransi, Mewujudkan Masyarakat Penyayang dan Budaya Penyayang, Memupuk dan Membina Masyarakat Makmur. Semuanya menjadi azimat bagi semua rakyat negara ini untuk sama-sama kita kukuhkan kekuatan negara melalui semangat Cinta Negara. Bak kata pepatah "Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat". "Hati nyamuk sama dicicah, hati gajah sama dilapah", "Berat sama dipikul. ringan sama dijinjing". "Kebukit sama kita daki, kelurah sama kita turuni", menggambarkan jika ada perpaduan dan semangat kerjasama sudah pasti perkara yang susah dapat diatasi.

### **Nilai-Nilai Murni masyarakat penyayang**

Pertimbangkan tentang nilai-nilai budaya seperti moral, etika, maruah masyarakat dan negara adalah dapat dianggap penting dengan kehendak masyarakat. Begitu juga rekreasi yang bertentangan dengan kehendak-kehendak agama hendaklah dikawal. Kita megikut amalan rekreasi dengan agama.

Setiap individu seharusnya berusaha membina sebuah masyarakat Malaysia yang sepenuhnya bermoral dan beretika serta maju dalam semua bidang sama ada politik, sosial, kejiwaan, psikologi dan juga kebudayaan. Memang sudah jadi kita dari akar umbi lagi sikap warganegara Malaysia untuk membina dan mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang kukuh serta mendukung nilai etika yang tertinggi. Kita juga harus menyedari bahawa pembangunan dan kejayaan sesebuah negara adalah bergantung kepada sikap yang positif dan moral yang tinggi yang dimiliki oleh rakyatnya. Sebagai contohnya masyarakat desa masih mengamalkan amalan gotong-royong, menolong dalam kenduri-kedera dalam perkahwinan. Walaupun masyarakat kita tidak dapat beri bantuan dalam bentuk fizikal, tetapi



kita dapat memberi bantuan dalam bentuk wang. Jika dilihat kepada perkembangan masyarakat masakini, bidang seni dan rekreasi yang paling diminati dan berkembang di negara kita ialah seni muzik. Seni muzik juga adalah merupakan salah satu cabang kebudayaan. Muzik juga dapat meninggikan pemikiran sesuatu bangsa serta merubah sikap hidup ke arah pencapaian peradaban yang bererti. Muzik bukan sahaja alat penghibur tetapi juga sebagai pengantara pembelajaran yang mempunyai kuasa yang tersendiri hingga boleh menukar emosi manusia menjadi sedih, gembira, terharu dan sebagainya. Kita fahami mengenai rekreasi itu ialah selalunya melibatkan aktiviti atau kegiatan sampingan. Bidang rekreasi meliputi berbagai-bagai aktiviti yang selalu dilakukan oleh anggota masyarakat pada masa lapang seperti bersukan, bermain, mendengar muzik, melukis, bersiar-siar, bercuti dan sebagainya.

[http://www.masyarakat penyayang.com](http://www.masyarakatpenyayang.com)

(Nilai murni masyarakat)

### **Masyarakat yang memerlukan bantuan secara kebajikan – golongan lemah**

**Anak-Anak Yatim**-Anak yatim yang ditinggal mati atau ibunya (piatu), memerlukan kehilangan kasih sayang yang seharusnya diperoleh dari orang tua mereka. Yatim psikologis anak-anak yang tidak mendapat perhatian, kasih sayang, jasmani/rohani dari orang tuanya, meskipun ayah ibunya masih hidup. Mereka ini secara psikologis sama dengan anak yatim dan nasib mereka masih banyak yang terabaikan. Selama ini pengertian yatim pada umumnya masih terbatas pada pemaknaan biologis, dan belum menyentuh aspek psikologis. Dalam masyarakat banyak ditemukan anak-anak telantar sebagaimana anak yatim berbagai sebab seperti anak-anak korban perceraian dan lain sebagainya.

[http://www.Rumah Kebajikan.com](http://www.RumahKebajikan.com)

(Anak –anak yatim)

**Fakir**-Orang yang tidak mempunyai harta dan tiada mata pencarian atau ada mempunyai mata pencarian tetapi hasil pendapatannya itu tidak sampai separuh daripada keperluan asas.

**Miskin**-Orang mempunyai harta atau ada mata pencarian tetapi hanya dapat menampung separuh atau sebahagian lebih daripada keperluan semasa samada bagi dirinya sendiri dan keluarga bawah tanggungannya.

**Warga Tua**-Wargatua adalah golongan insan yang berusaha Daif dan berumur lebih 60 tahun ke atas. Mereka yang Berupaya menjaga diri sendiri tidak menghidap penyakit yang berjangkit, tidak mempunyai sanak-saudara,tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap

<http://www.masyarakat penyayang.com>

(Miskin dan fakir)

**Golongan Orang Kurang Upaya (OKU)**-secara umumnya dapat dikategorikan kepada dua kumpulan utama, iaitu kurang upaya secara kekal dan kurang upaya secara sementara. Antara mereka yang dikategorikan sebagai kurang upaya secara kekal ialah golongan cacat anggota, cacat pendengaran, cacat penglihatan dan warga tua. Manakala individu yang cedera, sakit dan mengandug dikategorikan sebagai kurang upaya secara sementara.

<http://www.masyarakat penyayang.com>

(golongan kurang upaya)

**Pihak-pihak yang memberi perhatian pada golongan ini.**

**Pihak Kerajaan**-Dasar memperuntukan 1 % peluang pekerjaan di sektor awam seperti yang terkandung di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10/1988 merupakan satu lagi usaha positif oleh Kerajaan untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan bagi orang kurang upaya di negara ini. Semua agensi kerajaan telahpun diberi saranan supaya menimbangkan Orang Kurang Upaya bagi mengisi kekosongan di Agensi masing-masing. Jabatan Buruh bersama badan-badan dan agensi yang berkaitan akan meneruskan tindakan susulan dengan program yang lebih komprehensif agar matlamat untuk mengintegrasikan orang kurang upaya ke dalam masyarakat dapat dicapai.

**Pendaftaran Orang Kurang Upaya didaftarkan OKU boleh dibuat dengan Pejabat Kebajikan (WPKL).**

**Elaun Pekerja Cacat ( EPC )**-EPC bertujuan membolehkan pekerja kurang upaya hidup berdikari sebagai ahli masyarakat yang produktif dan berguna. Manalaka bagi OKU yang berkeluarga, pendapatan ketua keluarga RM500.00 sebulan). Kadar bayaran EPC ialah RM200.00 seorang sebulan.

**Bantuan kanak-kanak**-tujuan membantu kanak-kanak miskin dan kurang bernasib baik dari sesuatu keluarga yang telah hilang pencarian nafkahnya, yang tidak berkemampuan kerana keuzuran. Kanak-kanak yatim/ yatim piatu - Kanak-kanak yang mempunyai ibubapa/ penjaga yang tidak berkemampuan, putus pencarian sementara, uzur kerana cacat atau berpenyakit. Kanak-kanak yang terpaksa ditinggalkan oleh ibubapa yang menerima rawatan perubatan

**Bantuan Anak Pelihara/TD**-Tujuan-Membantu kanak-kanak yang tinggal dengan keluarga ganti. Kanak-kanak yang tinggal dengan keluarga

**Bantuan Orang Tua**-Membantu orang-orang tua, daif dan tinggal sebatang kara untuk membolehkan mereka hidup dengan lebih sempurna dalam suasana dan alam sekeliling yang biasa bagi mereka. Orang-orang tua berumur 60 tahun dan lebih yang tiada saudara-mara atau mempunyai saudara-mara yang tidak berkemampuan dan tiada mata pencarian tertentu untuk menyara kehidupannya. RM100.00 seorang sebulan

**Bantuan Am** -membantu mereka yang kurang bernasib baik dan berkeperluan supaya dapat mengurang atau meringankan kesulitan kewangan mereka buat sementara waktu ataupun sehingga kepada satu tempoh masa mereka dipulihkan untuk berdikari.

**Bantuan Sekolah** -membantu murid-murid miskin supaya kemiskinan keluarga mereka tidak mengganggu peluang melanjutkan pelajaran

<http://www.masyarakat penyayang.com>

(dasar ekonomi)

**Bantuan Latihan Aprentis kepada Belia/Beliawanis Dalam Latihan (Wilayah Persekutuan**

**Bantuan Pelancaran** - membantu belia/ beliawanis terutama anak-anak penerima bantuan kebajikan yang tercicir dari persekolahan. Belia/ beliawanis di tempatkan di pejabat, kilang dan bidang-bidang tertentu untuk mendapatkan kemahiran. Elaun diberi untuk menampung perbelanjaan harian dan pengangkutan.

**Belia/ beliawanis kurang upaya** - Belia/ beliawanis dari keluarga miskin yang tercicir dari persekolahan dan juga penganggur Belia/ beliawanis di bawah jagaan akhlak, di bawah

seliaan lanjutan atau berlesen dari Sekolah Akhlak dan Pusat Perlindungan Wanita & Gadis RM200.00 seorang sebulan Membantu penerima-penerima bantuan Jabatan yang miskin menjalankan perniagaan/ pekerjaan sendiri dengan membolehkan mereka untuk membeli keperluan-keperluan bagi memulakan perniagaan/perusahaan kecil.

**Pertubuhan kebajikan NGO** - Pihak swasta, para sukarelawan dan komuniti tempatan melalui usaha Jabatan mewujudkan perkongsian bijak ke arah memenuhi agenda sosial negara di mana kebajikan adalah tanggungjawab bersama. Di samping itu bahagian ini mengendalikan urusan pemberian geran serta mengawal kutipan derma yang dikendalikan oleh Pertubuhan Kebajikan sukarela (NGO). Bahagian ini juga berusaha mempertingkatkan kedudukan sosioekonomi komuniti miskin dan termiskin melalui berbagai aktiviti komuniti serta memperluaskan program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Meningkatkan program perkhidmatan dan pembangunan pertubuhan dan pembangunan Pertubuhan Bukan Kerajaan (Kebajikan Sukarela) melalui khidmat nasihat dan bantuan kewangan. Menggerakkan penglibatan dan sumbangan berbagai sumber pengurusan dan pengeluaran dari sektor korporat untuk keperluan kumpulan sasaran. Menggalakkan penglibatan masyarakat dalam bidang kerja sosial dan khidmat masyarakat ke arah pembangunan kesukarelaan. Selain itu, masyarakat yang berprihatin bagi golongan orang-orang kurang upaya dan ibu bapa/saudara dan ahli komuniti tempatan melalui Program Pemulihan Dalam Komuniti. Terdapat juga syarikat-syarikat dari berbagai perusahaan dalam sektor swasta yang berpotensi untuk memberi khidmat dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan kepada kumpulan sasaran Jabatan Kebajikan Masyarakat.

<http://www.masyarakat penyayang.com>

(badan yang beri bantuan)

## **Mengapa kita perlu menolong**

Sudah menjadi budaya rakyat Malaysia sebagai satu masyarakat bertamadun, menjunjung perasaan tanggungjawab dan mementingkan kebajikan setiap rakyat di negara ini. Di samping itu kasih sayang yang semula jadi terhadap semua yang bernyawa dan sikap tolong-menolong serta hormat-menghormati semua pihak khususnya orang-orang tua juga terbendung dalam kebudayaan kita.

Adalah menjadi harapan kita semua supaya nilai budaya yang kaya itu tidak ditenggelami oleh proses pemodenan yang pesat di negara kita. Satu usaha sama komuniti yang lebih kukuh harus digalakkan dalam mengembalikan bibit-bibit nilai budaya yang kaya itu daripada terus memusnahkan ketenteraman dan kesejahteraan masyarakat kita.

Tugas membantu golongan yang memerlukan bantuan bukan sahaja terletak pada bahu kerajaan atau institusi swasta semata-mata melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat. Tugas ini adalah tugas semua rakyat yang mempunyai peranan kasih sayang dan bertanggung jawab.

**Anak-Anak Fakir dan Miskin**- bertujuan memberi pendedahan ilmu dan kemahiran kepada anak-anak Fakir dan Miskin. Pembelajaran yang sistematik dalam menghadapi peperiksaan UPSR, PMR dan SPM. Mereka juga diberi pendedahan kemahiran seperti komputer, inkubator supaya kemahiran yang diperolehi oleh mereka boleh dimanfaatkan untuk kerjaya mereka. Melalui aktiviti ini pelajar boleh mempelajari semangat jati diri, berdikari, berdisiplin.

**Golongan Orang Kurang Upaya** - adalah amat komited untuk membantu mereka supaya dapat menjalani penghidupan normal sama seperti orang biasa, mendapat peluang yang sama dari segi ekonomi dan sosial dan bersama menikmati hasil dari pembangunan negara. Keadaan mereka mengambil berat menjaga dan membela nasib Orang Kurang Upaya.

Kerajaan sedar bahawa Orang Kurang Upaya mempunyai hak dan hasrat yang sama seperti orang lain untuk bekerja menikmati hidup selesa, berdikari dan bersama menyumbang kepada pembangunan negara. Justeru itu bahawa usaha yang bersungguh oleh semua pihak amatlah perlu dirancang dan dijalankan bagi menjamin kesejahteraan hidup Orang Kurang Upaya tercapai. Mereka seboleh-bolehnya tidak mahu bergantung sahaja kepada bantuan dan belas ehsan dan menjadi beban kepada orang lain untuk penghidupan mereka. Mereka juga mahu bekerja, berdikari, dan bersama memainkan peranan dalam masyarakat yang kian maju. Bagi setiap insan, pekerjaan bukan sahaja satu hak asasi untuk berdikari dan hidup selesa, tetapi adalah juga maruah diri. Orang Kurang Upaya juga mahu dianggap sebagai rakyat yang berguna dan produktif. Orang Kurang Upaya yang mampu melaksanakan pelbagai jenis pekerjaan jika diberi peluang dan kesempatan. Nyata bahawa terdapat ramai pekerja Orang Kurang Upaya yang bukan sahaja setanding tetapi juga dapat menunjukkan pencapaian yang lebih tinggi dari pekerja-pekerja lain. Tidak dinafikan usaha untuk menempatkan Orang Kurang Upaya dalam pekerjaan sentiasa menghadapi rintangan, halangan dan sekatan-sekatan. Mereka tidak sepatutnya merasa kecewa apabila menemui dengan kecacatan dan perlu meneruskan usaha dan mencari pendekatan baru dan terus membantu mereka. Salah satu lagi rintangan yang dihadapi oleh Orang Kurang Upaya dalam usaha mereka mendapatkan pekerjaan ialah tahap perbelajaran dan tahap kemahiran yang diperlukan. Orang Kurang Upaya perlu membuat persediaan untuk memasuki alam pekerjaan termasuklah aspek akademik dan kemahiran lain. Sejalan dengan usaha-usaha Kerajaan yang menjerus ke arah kemajuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), Orang Kurang Upaya perlu diberi pendedahan dan peluang yang lebih tinggi untuk meningkatkan kemahiran ICT di kalangan Orang Kurang Upaya. Trend kerjaya masa kini menjanjikan peluang yang lebih cerah kepada Orang Kurang Upaya kerana kemajuan teknologi telah memudahkan sesuatu kerja

dilaksanakan. Pada masa ini peluang pekerjaan tidak lagi tertumpu kepada tenaga empat kerat tetapi lebih kepada pembangunan teknologi elektronik dan kepada ilmu dan kemahiran.

## BAHAGIAN PEMULIHAN

Juvana -Perkhidmatan Juvana terhad kepada mereka yang berumur 10 hingga 18 tahun berasaskan Akta Mahkamah Juvana 1947. Juvana yang dihadapkan ke Mahkamah kerana melakukan kesalahan seperti bersabit dengan harta benda/mencuri, bersabit dengan orang, kesalahan jantina, melanggar ordinan tahanan, judi, melanggar undang-undang kecil perbandaran dan tidak terkawal.

Wanita & Gadis - Perkhidmatan untuk wanita & gadis meliputi mereka yang teraniaya, diperalatkan dan dipergunakan bagi maksud pelacuran dan aktiviti yang tidak bermoral. Oleh itu perlindungan dan pemulihan adalah perlu agar mereka terselamat dari unsur-unsur yang kurang sihat.

## PENGURUSAN AKTIVITI

**Kanak-kanak**-Bahagian ini menyediakan perkhidmatan jagaan dan perlindungan kepada kanak-kanak yang berusia bawah 18 tahun yang mempunyai masalah seperti berikut i)Kanak-kanak yang kematian bapa ii)Kanak-kanak yang kedua ibu bapanya mengidap penyakit jangka panjang. iii)Kanak-kanak yang terbiar, terlantar atau ditinggalkan ibu bapa.iv) Kanak-kanak yang teraniaya dan terabai.v)Anak luar nikah. iv)Kanak-kanak yang kedua ibu bapanya memerlukan jagaan dan perlindungan mengikut tafsiran Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991.



**Warga Tua**-Perkhidmatan ini bertujuan memberikan jagaan dan perlindungan kepada warga tua yang tidak berwaris dan miskin ataupun waris yang tidak mampu menjaganya.

**Pesakit Melarat/ Pengemis** -Perkhidmatan ini bertujuan memberi jagaan dan perlindungan kepada pesakit-pesakit melarat yang tidak mampu dijaga oleh keluarga/waris

**Bengkel Terlindung Bagi Orang Kurang Upaya Terlatih.**- Perkhidmatan ini memberikan latihan dan peluang pekerjaan kepada Orang Kurang Upaya supaya mereka dapat berdikari dan bersaing di pasaran terbuka.

**Keluarga yang Menghadapi Masalah** - Urusan ini menyediakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada keluarga yang bermasalah. Pegawai Kebajikan Masyarakat sebagai pendamai akan berusaha membantu keluarga menyelesaikan masalah mereka demi kepentingan anak-anak mereka agar dapat meneruskan kehidupan mereka dengan sejahtera. Perkhidmatan ini juga menjalankan tugas mengikut garis panduan Akta Keganasan Rumahtangga 1994

**Bahagian Perrundingan dan advorkasi** - Bahagian ini memainkan peranan bagi memantapkan system perundangan di bawah bidang kuasa Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ia merupakan mekanisme terpenting yang memastikan penguatkuasaan, penggubalan dan mengkaji akta-akta dan peraturan di bawah bidang kuasa Jabatan Kebajikan Masyarakat serta meyelaras akta-akta lain yang ada kaitan dengan kumpulan sasaran.

<http://www.masalah.sosial.com>

(keruntuhan akhlak)

## **Mangsa-mangsa yang memerlukan bantuan**

**Bantuan kemanusiaan** -Mangsa memerlukan bantuan secara fizikal dan mental. Mereka perlu di beri tempat tinggal dari segi fizikal dan mental.

**Mangsa peperangan**-peperangan yang dicetuskan ini memberi kesan buruk. Kerjasama dunia dalam kempen menentang keganasan antarabangsa akan terjejas. Sentimen anti-Amerika akan meningkat di kalangan rakyat seluruh dunia, dan perasaan ekstremis dan militan juga dikhuatiri akan bertambah. Peperangan juga membawa erti pembunuhan dan kemusnahan. Ramai jiwa akan terkorban Peperangan yang menggunakan senjata moden boleh membawa kemusnahan lebih besar dan boleh mengakibatkan kerosakan lebih luas. Ramai pihak yang lemah lagi tidak bersalah, orang-orang tua, wanita dan kanak-kanak dijangka turut menjadi mangsa peperangan. Ramai ayah yang akan kehilangan anak, ramai abang dan kakak yang akan kehilangan adik dan ramai adik yang akan kehilangan abang dan kakak.

**Wanita Bantu Wanita** -Kempen jualan tudung ini merupakan salah satu usaha GPM untuk meringankan bebanan wanita Afghanistan yang menjadi pelarian. Hasil dari jualan tudung ini akan menjadi sumber pendapatan mereka.

<http://www.mangsa.com>

Bantuan kemanusiaan

## **Masyarakat Penyayang Terhadap Alam Sekitar**

**Kerbersihan sungai tanggungjawab bersama menjaga alam sekitar** - Masyarakat bukan sahaja memberi tumpuan terhadap manusia sahaja. Alam sekitar juga diberi tumpuan. Jika kita cintakan alam sekitar, barulah kita akan menjaga kebersihannya. Walaupun masih wujud

masyarakat penyayang di negara kita, malah masih lagi terdapat mereka yang tidak bertanggungjawab dan tidak berkasih sayang terhadap alam sekitar. Mutu kebersihan sungai di negara ini semakin merosot berikutan sikap masyarakat dan pemilik industri yang membuang sampah dan sisa kilang ke sungai sewenang-wenangnya. Bagi menyenangkan pihak masing-masing, mereka membuang sahaja sampah-sarap di merata-rata tempat sehingga mencemarkan sungai dan alam sekitar.

**Kepupusan fauna** - Sejak tahun 1990an di negara kita wujud masalah pencemaran. Oleh yang demikian flora dan fauna semakin terancam. Disebabkan pelbagai kebanyakan kita mengalah kepada tuntutan pemodenan dan kemajuan. Kita korbankan flora dan fauna di sekeliling kita bagi memberi laluan kepada pembangunan kita terpaksa memilih sama ada mahu mengekalkan flora (tumbuh-tumbuhan) dan fauna (hidupan binatang) ataupun tidak langsung menikmati penambahan kemudahan infrastruktur. Implikasinya seperti yang kita lihat sekarang, banyak spesies-spesies flora dan fauna yang semakin diancam kepupusan. Selain itu, ancaman terhadap spesies-spesies flora dan fauna ini juga sebenarnya turut menjejaskan kitaran ekologi secara keseluruhan kerana kedua-dua unsur itu dan juga manusia sendiri adalah sebahagian daripada elemen yang perlu ada untuk mewujudkan keseimbangan semula jadi.

**Kemusnahan dan perubahan habitat** - Seperti yang dinyatakan tadi, aktiviti-aktiviti manusia adalah punca utama kepupusan haiwan. Contoh aktiviti pemusnahan manusia yang paling jelas ialah pembalakan dan penerokaan kawasan baru untuk pembangunan. Aktiviti-aktiviti ini akan memusnahkan sesuatu habitat dan spesies haiwan dalam sesuatu jangka masa tertentu. Penerokaan kawasan-kawasan hutan boleh memusnah atau mengecilkan habitat haiwan tertentu seperti harimau dan gajah yang memerlukan kawasan yang luas untuk

aktiviti-aktiviti hidup. Kawasan hutan yang kecil akan mengurangkan kemampuan haiwan-haiwan ini mencari makanan dan juga mencari pasangan untuk tujuan pembiakan.

<http://www.alam.sekitar.com>

Flora & fauna

### **Pihak-pihak Yang Terlibat- secara keseluruhan**

**Kempen-** Bagi menghasilkan sumber pendapatan kepada pelarian Afghanistan agar mereka dapat menikmati kehidupan yang lebih sempurna, makanan yang lebih berkhasiat, peluang pendidikan untuk anak-anak dan faedah perubatan yang lebih baik. Membantu pelarian Afghanistan untuk berdikari dan membela nasib mereka sendiri tanpa meminta simpati dari orang lain. Bagi menyedarkan semua pihak bahawa wanita dan kanak-kanak adalah mangsa utama kepada peperangan

**Dua delegasi di kemanusiaan GPM & PKPIM-** di hantar ke Iraq. Mereka ialah Presiden Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) Sdr. seorang pegawai perubatan dan merupakan sukarelawan Global Peace Mission (GPM) Malaysia. Majlis penerangan akan diadakan dari semasa ke semasa dan akan dimaklumkan kepada semua.

**Global Peace Mission (GPM)** - telah berjaya mengadakan jualan kemanusiaan sejagat (pakaian terpakai). Masyarakat setempat telah datang membeli pakaian-pakaian tersebut dengan harga yang berpatutan. Ia juga membolehkan masyarakat setempat lebih mengenali peranan Global Peace Mission (GPM) dalam kerja-kerja kemanusiaan selama ini.

Sukarelawan yang terdiri daripada mahasiswa-mahasiswi Universiti Islam Antarabangsa (UIAM). Misi Keamanan Sejagat dan juga kempen yang dijalankan oleh AMAN

Malaysia. Hasil perbincangan, pihak MKS/AMAN akan cuba membantu dalam lima bidang utama iaitu:

1. Infrastruktur khemah - menyediakan khemah, selimut dan tikar plastik
2. Keperluan sanitasi – menyediakan baldi dan pam air
3. Kesihatan – menyediakan ubat-ubatan dan keperluan asas kesihatan (Basic health unit)
4. Pendidikan – menyediakan bahan-bahan bacaan/pendidikan untuk kanak-kanak
5. Keperluan kecemasan – makanan dan bahan-bahan keperluan asas

Justeru itu, seluruh rakyat Malaysia untuk terus menyumbang kepada tabung-tabung yang telah dilancarkan oleh berbagai pihak untuk disalurkan kepada MKS dan UNHCR di Tehran untuk membolehkan kami menyediakan stok yang masih diperlukan.

**Program terkini Global Peace Mission (GPM)-** Seluruh dunia amnya dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nation) khususnya menyambut Hari Keamanan Sedunia (International Day of Peace) sebagai memperingati usaha-usaha untuk mewujudkan dunia yang lebih aman. Tidak ketinggalan golongan pelajar dan warga pendidik di negara ini juga meraikannya.

**Pihak Media juga memberi pertolongan secara tidak langsung-** Pihak media juga (cetak, radio, televisyen) memainkan peranan penting dalam mewujudkan masyarakat penyayang. Peranan media merupakan kuasa besar untuk mengubah persepsi masyarakat. Pihak media menonjolkan aspek-aspek dalam masyarakat yang diperlukan sumbangan konstruktif. Pihak ini menyiarkan aktiviti individu kumpulan yang konstruktif seperti mencipta slogan-slogan semangat kejiranan, Keranamu Malaysia, Hari kanser sedunia, sayangilah nyawa anda. Pihak ini juga mewujudkan kesedaran untuk membantu mangsa gempa bumi, peperangan, kebajikan masyarakat dan sebagainya. Selain itu, boleh meyiarkan program-program tertentu seperti pendidikan ‘asas’ termasuklah kemahiran untuk

berfikir. Media juga boleh membentuk nilai-nilai melalui humor, siri-siri, drama dan maknisme lain yang diterima ramai.

**Pihak yang berkuasa untuk memulikan kualiti alam sekitar-** Pihak berkuasa menguatkuasa undang-undang menerusi kualiti alam sekitar (Pindaan 1974) namun demikian semakin tahun semakin meningkat kes pencemaran. Pihak berkuasa mengambil pelbagai langkah. Langkah-langkah tersebut tidak begitu efektif. Melalui nilai-nilai masyarakat kesedaran dapat di cangkil dari hati masyarakat. Apabila kesedaran mula wujud kes pencemaran dapat dikurangkan melalui pelbagai pihak

**Pihak yang memberi prihatin-** Tun Dr. Mahathir secara peribadi telah menyuarakan - kebimbangan beliau terhadap masalah pencemaran ini. Pencemaran sungai di negara ini bukan sahaja gagal untuk membantu industri pelancongan bahkan keadaan ini juga boleh menimbulkan masalah jika sungai digunakan sebagai sumber air minuman. Ekoran dari ini, kerajaan menetapkan laporan kualiti alam sekitar merangkumi maklumat terkini mengenai kualiti air dan udara serta pencemaran di negara ini perlu disediakan setiap tiga bulan untuk dibentangkan kepada kabinet. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar terpaksa mengambil pelbagai langkah untuk meningkatkan penguatkuasaan dan memperkemas program bagi menyedarkan masyarakat terhadap tanggungjawab memelihara alam sekitar. Gesaan dibuat supaya Jabatan Parit dan Saliran (JPS) sentiasa memperhebatkan kempen Cintailah Sungai Kita kerana kabinet masih tidak berpuas hati terhadap tahap kebersihan sungai. Kempen ini harus diteruskan dengan lebih hebat agar dapat meningkatkan kesedaran orang ramai serta pemilik industri.

<http://www.mangsa.com>

(Mangsa & sokongan bantuan)

## **Zaman 80an**

Sebenarnya semangat masyarakat penyayang telah pun wujud sebelum perang dunia kedua. Kita boleh mengambil ramai tokoh sebagai contoh. Tokoh yang amat dikenali oleh semua orang ialah Mother Teresa. Walau pun beliau beragama kristian malah beliau tidak mengira kaum semasa membantu mereka memerlukan bantuan dari segi kasih sayang.

Di negara kita juga mempunyai seseorang yang berjiwa kasih sayang yang telah menerima anugerah Sri Kandi 2002 iaitu Puan Saroja S. Param yang berumur 77tahun. Semangat untuk membantu orang telah wujud di hati nalurinya semasa beliau berumur 16 tahun lagi. Ketika perang dunia kedua meletus dan negara kita turut masuk dalam kancuh perang apabila Jepun menyerang setiap orang merasakan perlu melakukan sesuatu untuk kebaikan bersama. Kesedaran untuk membantu timbul apabila Puan Saroja menyaksikan ramai kanak-kanak tidak dapat bersekolah akibat perang. Oleh itu sebaik saahja menyelesaikan pengajiannya wanita yang peramah ini telah mengumpulkan anak-anak pekerja ladang untuk diajar secara percuma. Begitulah mulanya sumbangan beliau terhadap masyarakat. Sehingga sekarang beliau meneruskan jasanya

Dewan masyarakat 2003

(April muka surat 18)

## **Zaman 90an**

Pada zaman proses urbanisasi dan modenisasi wujud secara mendadak. Masyarakat mula mengejar materealistik sehingga melupakan nilai-nilai kemanusiaan. Hal ini menyebabkan mulanya zaman masalah sosial. Masyarakat mula terikut-ikut budaya ala barat. Pelbagai masalah jenayah seperti berlaku pada zaman jahiliah. Contohnya pada suku ketiga

dan keempat 1993, masyarakat di negara kita digemparkan dengan beberapa berita yang amat memeranjatkan, iaitu pembuangan bayi. Gejala ini amat devian kerana ia merupakan satu tindakan yang tidak berperikemanusiaan dan tidak boleh diterima dalam rangka masyarakat kita. Ada di antara bayi yang ditemui yang masih hidup dan ada yang telah meninggal dunia dan hampir semua berada dalam keadaan yang amat menyedihkan.

Barbarism membawa maksud manusia berkelakuan kejam sedangkan haiwan boleh menjaga anaknya dengan baik, menyusu dengan penuh prihatin dan kasih sayang. Mengapakah manusia bertindak sebaliknya. Sanggup membuang anak yang baru lahir, mewujudkan persengketaan sesama sendiri; membunuh sesama sendiri. Contoh terrorisme di Iran. Selain itu, penderaan Ala Jahiliyah turut wujud iaitu mendera pembantu rumah yang datang dari luar negara. Ia merupakan tindakan yang tidak bertamadun dan di luar daripada perikemanusiaan seseorang makhluk yang berakal. Pada zaman serba moden ini, perbuatan yang telah cuba dihapuskan oleh umat manusia sejak zaman-berzaman.

**Keruntuhan akhlak** -gejala keruntuhan akhlak boleh dilihat dalam semua lapisan masyarakat. Misalnya, keruntuhan akhlak di kalangan pemimpin masyarakat, ahli perniagaan, dan pemimpin n negara termasuklah penyalahgunaan kuasa, politik wang, rasuah, pecah amanah, berpoya-poya, suka bermewah dengan harta kerajaan atau harta syarikat dan hipokrit. Keruntuhan akhlak di kalangan remaja dan belia pula termasuklah pergaulan bebas, ponteng sekolah, bohsia, lari daripada rumah, bersekedudukan, melahirkan bayi tanpa nikah, buang bayi, kesalahan juvana dan penyalahgunaan dadah.

**Penagihan dadah** - bilangan warganegara Malaysia yang terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan dadah dan penagihan dadah adalah semakin meningkat daripada setahun ke setahun. Penagihan dadah bukan lagi merupakan fenomena bandar besar, tetapi telah merebak ke kawasan luar bandar. Setakat ini, program pemulihan dadah masih belum



mencapai kejayaan yang memuaskan. Seterusnya, masalah penagihan dadah menjadi lebih serius apabila perkongsian jarum suntikan dadah menjadi salah satu cara penyakit AIDS boleh dijangkiti.

**Keruntuhan rumah tangga** -pembangunan ekonomi semata-mata tidak dapat menjamin kebahagiaan rumah tangga. Dewasa ini, masalah penderaan kanak-kanak, penganiayaan isteri, pengabaian tanggungjawab keluarga, pergaduhan antara suami dan isteri, dan kehilangan rasa mesra antara suami isteri sedang menghantui masyarakat kita. Seterusnya, bilangan keluarga tunggal, bilangan kanak-kanak yang tinggal bersama keluarga tunggal, dan bilangan kanak-kanak yang terbiar sedang meningkat. Ketidakbertanggungjawab terhadap kebajikan dan perlindungan orang tua-Proses urbanisasi dan penghijrahan ke bandar telah menimbulkan masalah dalam memenuhi kebajikan dan perlindungan orang tua. Kehidupan metropolitan yang tidak mempunyai sokongan sosial yang kukuh telah membuat sesebuah keluarga menghadapi masalah untuk memenuhi keperluan asas anggota keluarga yang tua dan uzur.

[http://www.masyarakat penyayang .com](http://www.masyarakatpenyayang.com)

(keruntuhan akhlak penyebab masalah sosial)

Memang masyarakat penyayang sudah dibangkitkan sejak Tun Dato Mahathir menjadi Perdana Menteri. Namun beliau tidak menekankan nilai kasih sayang secara keseluruhan masyarakat. Beliau menekankan nilai-nilai kemanusiaan kepada golongan yang terlibat sahaja Dalam tahun 1990 nilai-nilai kemasyarakatan dipupuk bagi golongan-golongan tertentu dan tempat-tempat tertentu sahaja. Masyarakat Malaysia hanya menitik berat betapa pentingnya nilai kemanusiaan kepada manusia bagi perkara yang ditujui.

Perdana Menteri Dato Ahmad Abdullah Badwi juga menerukan langkah Dato tun Mahathir bagi mengekalkan nilai-nilai kemanusiaan namun beliau merasakn bahawa sikap kasih sayang dalam masyarakat amat dititikberatkan oleh Paklah. Hal ini kerana setiap perkara yang kita amalkan perlu nilai kasih sayang perlu diterapkan. Apabila nilai kasih sayang diterapkan dalam masyarakat maka setiap insan memahami golongan lemah, menghargai pemberian tuhan dan orang lain, alam sekitar, flora dan founa. Beliau berharap nilai kasih sayang merupakan nilai yang digunakan memberitahu dengan sikap sayang mesra, kepada golongan yang mampu untuk menolong golongan yang lemah. Bukan sahaja kita memberi kasih sayang dalam golongan yang memerlukan dalam masyarakat. Namun setiap golongan masyarakat perlu mencinta tanggungjawab masing-masing. Apabila masyarakat mencintai tanggungjawab maka mereka akan melakukan dengan teliti, amanah dan dengan sepenuh jiwa mereka. Paklah sangat menekankan sifat penyayang bagi setiap jiwa rakyat supaya rakyat dapat melakukan kerja tanpa tekanan sebaliknya mereka mencintai kerja tersebut mereka akan melakukannya dengan baik.

Strategik beliau untuk membentuk masyarakat penyayang merupakan semua nilai yang perlu diamalkan oleh masyarakat sudah dipadatkan dalam kempen masyarakat penyayang. Paklah membangkitkan nilai kasih sayang bagi menyedarkan rakyat kepentinganya dalam membina tamadun yang berwawasan.

Utusan 2003 12 November

### **REALITI MASA KINI (zaman 2000)**

Pada alaf baru ini, penekanan diberi terhadap masyarakat penyayang. Malah bertambah pula masalah sosial di negara kita. Bertambah pula penghalang bagi mewujudkan masyarakat penyayang. Sebarang usaha untuk mewujudkan masyarakat penyayang dalam

konteks penghakikian Wawasan 2020 mestilah berlandaskan keperluan masa depan, pengalaman masa lalu dan pemahaman yang baik tentang realiti masa kini, khususnya tentang faktor penyokong dan faktor penghalang bagi pembentukan masyarakat penyayang. Dalam konteks faktor penghalang, misalnya, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian yang wajar dan segera.

## **LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENINGKATKAN NILAI KEMANUSIAAN**

Mewujudkan masyarakat penyayang adalah satu cabaran yang amat sukar untuk kita hadapi kecuali dengan usaha dan sokongan semua pihak baik kerajaan, swasta, masyarakat umum mahupun orang perseorangan. Kerajaan juga telah menunjukkan kesungguhan di dalam membentuk masyarakat penyayang dan prihatin melalui pelaksanaan bermacam-macam program pembangunan kemasyarakatan. Kempen-kempen dijalankan dan pelbagai slogan telah digunakan semasa Sambutan Hari Perhutanan Sedunia, Hari Alam Sekitar, Hari Warga Tua, Kempen Pengawasan Kejiranan, Kempen Anti Dadah dan sebagainya demi untuk menyedarkan masyarakat mengenai peri pentingnya mereka menjadi masyarakat penyayang bukan sahaja kepada sesama manusia, juga kepada alam sekitar, kemudahan-kemudahan yang disediakan, dan juga memupuk sikap warga yang prihatin dan bertanggungjawab.

Bagi menghapuskan masalah sosial masih lagi wujud, program jayawaris bagi membangun keluarga cemerlang, program sekolah penyayang bagi melahirkan para pelajar yang menghayati kekuatan kasih sayang, program ekonomi YAPEIM bagi membantu keluarga miskin untuk berdikari, dan program rakan muda untuk melahirkan golongan belia yang mempunyai wawasan hidup yang jelas telah mencapai beberapa kejayaan. Program pemulihan biasanya menelan belanja yang tinggi. Bagaimanapun, kita tidak boleh menutup

mata terhadap masalah tersebut kerana bilangan individu yang terlibat adalah agak besar dan masalah itu mudah berkembang dalam arus globalisasi.

Kerjasama antara semua pihak amat diperlukan dalam melaksanakan sebarang program ke arah mewujudkan masyarakat penyayang, khususnya kerjasama antara sektor awam (yang kaya ideologi) dan sektor korporat (yang kaya wang). Ringkasnya, sektor awam dan sektor korporat perlu menunjukkan contoh teladan yang baik dan bukan sekadar "memukul tin kosong" dalam usaha mewujudkan masyarakat penyayang. Sebagai kumpulan yang mempunyai pengaruh tertentu dalam masyarakat, sektor korporat mempunyai kekuatan tersendiri untuk mencorakkan budaya sosial yang sihat dan boleh memberi nilai yang baik kepada kehidupan masyarakat. Dalam konteks ini, budaya sosial sektor korporat perlu disusun sedemikian rupa bagi menjayakan matlamat Wawasan 2020 untuk melahirkan masyarakat yang yakin, bermoral, demokratik, penyayang, adil dari segi pengagihan ekonomi dan makmur dalam seluruh aspek kehidupan.

Sektor awam dan sektor korporat perlu melaksanakan tanggungjawab sosial dengan jujur. Dalam melaksanakan tanggungjawab sosial, misalnya, sektor korporat milik orang Islam perlu merangka program budaya sosial yang berpandukan beberapa tuntutan asas bagi memenuhi amanah kepada masyarakat seperti tuntutan zakat korporat, derma kebajikan (jariah), penajaan program atau projek pembangunan yang tertentu, pemulihan alam sekitar, penajaan iklan yang bermaruah, dan pengawalan perbelanjaan demi kepentingan umum. Semua kegiatan ini hendaklah dijalankan dengan berlandaskan sistem nilai yang murni. Ini adalah kerana nilai murni merupakan tapak bagi pembinaan masyarakat penyayang dan penghakikian matlamat Wawasan 2020.

<http://www.masyarakatpenayang.com>

(matlamat wawasan 2020)

## **Kebaikan Masyarakat penyayang**

- Manusia bertingkah laku sebagai manusia. Konsep barbarian akan berkurang.
- Konsep win win – semua pihak akan menang. Tiada sifat dendam antara satu sama lain. Terutamanya dalam bidang perniagaan.
- Golongan lemah tidak akan menjadi lemah. Hal ini boleh mewujudkan keamanan keluarga, masyarakat dan negara.
- Sifat kesyukuran terhadap sumbangan yang diberikan oleh pihak-pihak yang tidak diketahui.

## **Keburukan Masyarakat penyayang**

- Wujud kegagalan integrasi kaum.
- Mengharapkan pihak lain akan membantu. Terhadap golongan yang berdiri di belakang barisan semasa membantu orang.
- Terdapat pihak-pihak yang bermotif keuntungan dengan membuat kerja-kerja kebajikan. Sumbangan tidak dihargai.
- Wujud jenayah disebabkan masih terdapat golongan yang tidak bermoral

Dewan masyarakat 2001

(Januari muka surat 21)

## **PANDANGAN AKHIR**

Wawasan 2020 merupakan satu bentuk wawasan pembangunan negara. Dalam apa jenis pembangunan pun, manusia merupakan unsur yang paling asas kerana merekalah yang merancang dan menggerakkan pembangunan tersebut. Malah, manusia merupakan *alat* dan *objektif bagi* pembangunan. Oleh itu, faktor manusia tidak boleh dipandang ringan dalam pelaksanaan sebarang wawasan pembangunan negara. Malah, perbincangan tentang

pendekatan bagi melaksanakan Wawasan 2020 atau pembentukan masyarakat penyayang adalah saling berkait dengan perbincangan tentang pendekatan bagi melaksanakan pembangunan manusia. Dalam konteks ini, prinsip kerohanian dan bukan prinsip kebendaan merupakan teras bagi membentuk individu, keluarga, dan masyarakat yang penyayang. Ini adalah kerana roh merupakan inti pati bagi personaliti manusia dan badan hanyalah berfungsi sebagai alat bagi roh.

## **MASYARAKAT PENYAYANG YANG KITA IMPIKAN**

Masyarakat penyayang adalah sebuah masyarakat yang memberi keutamaan; menyediakan peluang dan kemudahan; memberi sokongan material, intelektual, dan moral; dan mengadakan kawalan sosial untuk memastikan setiap anggota masyarakat dapat memuaskan keperluan asas dari aspek fisiologi, keselamatan, emosi, sosial, pencapaian, tazkiyah, dan rohani sehingga terjalin satu ikatan kasih sayang, cinta-mencintai, dan hormat-menghormati antara ahli masyarakat tersebut (lihat al-Ghazali, 1992). Anggota masyarakat penyayang menganggap hidup bermasyarakat sebagai kehidupan dalam sebuah keluarga yang besar. Apabila seorang ahli keluarga mengalami sakit, maka ahli yang lain turut merasa sakit. Begitu juga, apabila seorang ahli keluarga merasa gembira, maka ahli keluarga yang lain turut merasa gembira.

Dari segi aspek emosi akan melahirkan perasaan bahawa kita mendapat rasa penghargaan sendiri dari dalam diri kita sendiri, dan pada masa yang sama kita juga mengenali keperluan kasih sayang, memberi dan menerima kasih sayang daripada orang lain. Saling bergantung dari aspek intelek pula akan melahirkan kesedaran bahawa gabungan kekuatan intelek kita dengan kekuatan intelek orang lain akan menghasilkan satu kekuatan intelek yang cukup hebat. Sebagai kesimpulan, orang yang saling bergantung berpeluang untuk berkongsi dirinya secara intim dan bermakna dengan orang lain, dan dia dapat

menggunakan sumber dan kekuatan orang lain demi kebaikan bersama. Prinsip atau paradigma inilah yang menjadi teras bagi masyarakat penyayang. Pembentukan masyarakat penyayang banyak bergantung pada jenis paradigma yang dimiliki oleh seseorang. Oleh kerana paradigma terbentuk secara perlahan, maka pembentukan masyarakat penyayang juga akan mengambil masa. Secara kasar, paradigma atau peta mental melibatkan dua unsur, iaitu realiti atau keadaan sebenar, dan nilai atau keadaan yang sepatutnya. Manusia mentafsirkan segala yang mereka alami dan membentuk segala jangkaan atau harapan tentang masa depan melalui paradigma yang mereka punyai. Lazimnya, manusia tidak sedar bahawa mereka mempunyai paradigma yang tertentu, dan dengan itu, mereka tidak mempersoalkan ketepatan atau kewajaran paradigma tersebut. Menurut Covey (1996) (muka surat 25), manusia hanya mengandaikan bahawa cara mereka melihat dunia merupakan cara yang sebenar atau sepatutnya. Sikap dan tingkah laku manusia pula timbul daripada andaian yang mereka buat tentang sesuatu perkara. Ringkasnya, cara manusia melihat dunia akan menjadi sumber kepada cara mereka berfikir dan cara mereka bertindak.

[http://www.masyarakat penyayang .com](http://www.masyarakatpenyayang.com)

(matlamat rancangan 2020)

### **DIMENSI PENYAYANG**

Sebuah masyarakat biasanya mengandungi pelbagai kategori manusia dari segi jantina, umur, kaum, bahasa, agama, taraf pendidikan, minat, tabiat, perwatakan, dan ideologi politik. Jadi, terdapat pelbagai faktor yang boleh menghalang pembentukan masyarakat penyayang. Untuk mengatasi halangan tersebut, kita terlebih dahulu perlu memahami konsep dan dimensi penyayang. *Apakah yang dimaksudkan dengan konsep penyayang? Adakah konsep penyayang bersifat satu dimensi atau pelbagai dimensi ?*

Dari sudut sosial dan budaya, penyayang merupakan satu sifat diri yang positif dan mempunyai pelbagai dimensi. Sifat tersebut terbit daripada jiwa yang tenteram dan pemikiran yang waras. Berikut dua puluh amalan positif yang berkait dengan sifat penyayang ;

- Bertimbang rasa dan bersopan santun.
- Bertanggungjawab dan sedia berbakti.
- Bekerjasama dan saling hormat-menghormati.
- Pemaaf dalam pergaulan.
- Simpati kepada kesusahan dan masalah orang lain.
- Pemurah dalam usaha kebaikan.
- Berlaku adil dalam semua tindakan.
- Teguh iman dan bertakwa dalam setiap tindakan.
- Boleh menerima teguran.
- Bijaksana dalam membuat pertimbangan.
- Cermat dalam kata-kata dan bersih hati.
- Senang didampingi oleh semua orang.
- Kemas dalam pakaian, tindakan, pemikiran, dan perasaan.
- Bersyukur dan menghargai kebaikan.
- Bersih daripada sifat dengki dan tamak harta.
- Mengutamakan keadilan dalam setiap perbuatan.
- Bersikap profesional dan sentiasa belajar daripada kesalahan.
- Mempunyai perhitungan panjang dan cintakan ilmu.
- Berdisiplin dalam semua tindakan.

Amanah, jujur, dan bertanggungjawab. Dengan perkataan lain, amalan mencintai dan penyayang Pencipta adalah teras, tulang belakang dan kemuncak bagi segala amalan



menyayangi, manakala amalan mencintai dan menyayangi diri sendiri, pasangan hidup, anak, keluarga, ibu bapa, jiran, masyarakat, bangsa, negara dan sebagainya perlu ditafsirkan dan direalisasikan dalam konteks menyayangi Pencipta. Satu persoalan yang timbul ialah, *Bagaimanakah cara untuk memenuhi tuntutan menyayangi Pencipta?* Jawabannya adalah ringkas dan mudah. Kita perlu melaksanakan segala perkara yang disuruh oleh Allah dan menjauhi segala perkara yang dilarang oleh Allah dengan penuh ketakwaan dan kerelaan hati.

Dalam usaha memahami dan merealisasikan amalan penyayang, kita bukan sahaja perlu mengambil kira hierarki tanggungjawab insan, tetapi kita juga perlu mengambil kira kedudukan nilai penyayang dalam sistem nilai mumi

## **Masyarakat Penyayang dari konteks ‘Paklah’ - Perdana Menteri Dato’**

### **Seri Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi**

Apabila Dr. Mahathir berundur pada bukan October nanti, seperti yang telah dimaklumkan, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (Pak Lah) akan dilantik oleh Yang Dipertuan Agong sebagai perdana menteri yang kelima negara. Empat orang PM sebelum beliau itu masing-masing telah mengukir tempat dalam sejarah tanahair dengan cara yang sendiri. Bagaimana Pak lah akan mencorak pentadbirannya untuk sama-sama mendapat taraf seperti empat tokoh sebelum itu kian menjadi tanda tanya.

Beliau merupakan pemimpin turun padang untuk berkerja sama dengan rakyat. Beliau menyerukan ‘DONT WORK FOR ME’...WORK WITH ME. Secara tidak langsung menghormati setiap insan merupakan pemimpin. Beliau juga bermula kerjanya dari akar umbi (GRASS ROOT) iaitu beliau menekankan nilai kemanusiaan dari asas. Manakala beliau

juga cuba menghapuskan kerenah birokrasi supaya masyarakat mendapat perkhidmatan kerajaan dengan cekap dan cepat

Ketua pentadbir negara baru iaitu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih pimpinan sebuah negara yang telah pun diistiharkan sebagai negara Islam oleh PM terdahulu. Sesungguhnya ketokohan seseorang akan terserlah apabila ia benar-benar dapat berperanan penuh sebagai peneraju.

Sebenarnya Datuk seri Abdullah Ahmad Badawi lebih mesra dipanggil Pak Lah kini dapat berdiri tegak di hadapan khalayaknya sendiri untuk berperanan dengan ragam, lagu dan irama sendiri sebagai ketua kerajaan negara Islam Malaysia dengan sahsiah tersendiri seperti yang Tuan Guru Datuk Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan menggelar beliau sebagai “Mr.Clean”.

Sebagai Tuan Guru dan pula sebagai pemimpin besar pembangkang untuk memberi status demikian kepada pimpinan kedua tertinggi (ketika itu) daripada parti lawan tentu tidak mudah, melainkan setelah beliau yakin benar akan bersihnya figur penting ini.

Sebagai graduan yang berijazah pengajian Islam daripada Universiti Malaya, universiti yang tertua di Malaysia dididik dalam lingkungan nama yang berpendidikan tradisional Islam, terserlah pada air mukanya visi beliau untuk melihat Islam gemilang membawa tamadun ke dalam dunia kini

[http://www.masyarakat penyayang .com](http://www.masyarakatpenyayang.com)

(misi dan visi Pah Lak)

## **Strategi Bajet 2004**

Perutusan bajet 2004 oleh YAB Dato' seri Abdullah Ahmad Badawi Perdana Menteri/Menteri Kewangan Malaysia ketika membentangkan rang-rang undang-undang pembekalan 2004 di Dewan Negara pada 10 Nov 2003.

Bajet 2004 telah digubal dengan memberi tumpuan kepada strategi utama. Strategi kelima ialah 'Memantapkan Lagi Agenda Sosial Dan Masyarakat Penyayang untuk meningkatkan Lagi Kualiti Hidup Serta Kesejahteraan Rakyat'. Kerajaan akan terus berusaha memantapkan lagi agenda dan program sosial dalam hasrat membina sebuah masyarakat Malaysia yang berteraskan nilai murni dan kemuliaan insan. Semoga akan terbina warga Malaysia yang bermaruah serta dapat memperkukuhkan perpaduan dan ketahanan nasional. Semoga keselamatan negara dan ketenteraman awam, kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi, kekal terjamin.

Menurut beliau institusi keluarga akan terus diperkukuh kerana keutuhan dan kebahagiaan keluarga menjadi tunjang dan benteng paling teguh dalam menghadapi segala cabaran sosial. Peranan wanita sebagai pembentuk keluarga bahagia dan penerap nilai murni dalam jiwa generasi muda serta penyertaan mereka dalam arus pembangunan negara akan terus disokong dan diberi pengiktirafan sewajarnya.

Manakala generasi muda, pewaris negara bangsa, perlu dilengkapi dengan akhlak mulia, minda dan intelek yang berwawasan serta semangat jati diri yang unggul. Kerajaan juga prihatin terhadap warga emas serta mereka yang kurang upaya dengan menekankan amalan budaya penyayang agar mereka sentiasa dihargai dan dimuliakan supaya dapat bersama menikmati kemakmuran negara. . Sebagai usaha berterusan bagi memastikan semua rakyat, terutama yang berpendapatan rendah dan sederhana, berpeluang memiliki rumah kediaman yang selesa, Kerajaan akan memainkan peranan lebih aktif dalam pembinaan perumahan kos rendah dan sederhana, terutamanya melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Selaras dengan pengiktirafan yang diberikan kepada peranan wanita sebagai pembentuk keluarga bahagia dan sumbangan mereka dalam pembangunan sosio ekonomi negara, beberapa langkah bagi membantu mereka dicadangkan. Di antaranya ialah menambah pelepasan cukai anak daripada 800 ringgit kepada 1,000 ringgit serta galakan cukai kepada majikan untuk menubuhkan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja. Di samping itu, bagi membantu ibu tunggal mengusahakan perniagaan, dana khusus sebanyak 100 juta ringgit disediakan di bawah Kredit Mikro Desa, sementara mereka juga akan diberi keutamaan dan diskaun sebanyak 20 peratus untuk membeli rumah kos rendah dan sederhana.

Golongan kurang upaya turut diberikan perhatian agar mereka tidak terpinggir dalam arus pembangunan negara. Antara langkah yang dicadangkan ialah pemberian bantuan bulanan sebanyak 25 ringgit bagi pelajar kurang upaya di peringkat sekolah rendah dan menengah dan 300 ringgit bagi mereka di institusi pengajian tinggi. Bagi kakitangan awam yang mempunyai anak kurang upaya, mereka pula dibenar bekerja menggunakan *flexi-hours*. Bagi mengurangkan kos pengangkutan golongan kurang upaya, Syarikat Prasarana Negara akan mengurangkan tambang perjalanan mereka sebanyak 50 peratus, sementara cukai jalan bagi kereta, van dan motosikal buatan tempatan milik mereka dihapuskan. Mereka juga akan diberi diskaun sebanyak 20 peratus bagi pembelian rumah kos rendah dan sederhana.

Bagi umat Islam yang ingin mengerjakan ibadat haji, Kerajaan juga amat prihatin ke atas kos mengerjakan haji yang kian meningkat. Oleh itu, Kerajaan akan memastikan kos menunaikan haji dikawal pada paras rendah dengan menambahkan lagi tempat tinggal di Mekah dan Madinah. Bagi tahun 2004, kos menunaikan haji secara muasasah telah pun dikurangkan sebanyak 5 peratus.

Sedemikianlah idea-idea beliau bagi masyarakat serba kekurangan. Matlamat beliau adalah bagi mewujudkan masyarakat penyayang dari “grassroot”.

[http://www.masyarakat penyayang .com](http://www.masyarakatpenyayang.com)

(Strategik pemerintahan Pak Lah)

### **Mengikut pandangan Perdana Menteri Datuk Abdullah Badwi**

Paklah menekankan bahawa negara Malaysia bahawa masyarakat penyayang sangat penting bagi masyarakat. Penindasan terhadap golongan lemah , kesedaran terhadap masyarakat kurang mampu, masalah yang perlu dititikberatkan telah dilupakan seperti masalah pencemaran flora dan pengabaian founa. Oleh yang demikian beliau hendak membangkitkan pemikiran masyarakat dengan menekankan nilai-nilai asas kemanusiaan. Sebagai contohnya beliau amat menekankan nilai bagi pekerja-pekerja ialah kejujuran menghapuskan amalan rasuah (Bersih, Amanah, Cekap), bantuan kepada rumah-rumah kebajikan untuk menyedarkan bahawa masyarakat masih memerlukan bantuan, melindungi mangsa-mangsa banjir, peperangan dan gempa bumi dan pemuliharaan flora dan founa. Idea-idea beliau dirujuk dari ajaran agama islam. Beliau cuba menerapkan nilai-nilai moral dari ajaran islam kepada masyarakat. Melalui ini Paklah menerapkan dan menguatkan nilai asas kemanusiaan bagi masyarakat negara kita.

### **Menurut ulasan buku “Masyarakat Islam” (muka surat 62) yang ditulis oleh Drs. SIDI GAZALBA.**

**Norma sosial** dapat didefenisikan sebagai standart atau skala yang terdiri dari berbagai ketegari tingkahlaku serta sikap yang tergolong sebagai tingkahlaku dan sikap yang diterima dan ditolak oleh sejumlah anggota dari suatu kelompok sosial. Sikap serta tingkahlaku ini terutama menyangkut hal-hal yang bermakna bagi kelompok sosial yang bersangkutan. Setiap perkara yang berlaku adalah berbeza-beza bagi setiap lingkungan sesuai dengan pelbagai ragam .Nilai ialah ciri-ciri perlu stimulasi seperti nilai kasih sayang bagi subjek yang mempengaruhi cara stimulasi tersebut dipersepsikan.

**Sosial** ialah pergaulan hidup. Istilah ini ditujukan pada pergaulan serta hubungan manusia dan kehidupan kelompok manusia, terutama pada kehidupan dalam masyarakat yang teratur. Ia juga mengandungi erti mempertahankan hubungan-hubungan teratur antara satu sama lain. Sosial merupakan penjelmaan rasa untuk melanjutkan hidup (keturunan) dalam bentuk pergaulan hidup, yang disusun oleh fikiran. Cara merasa dan berfikir tentu membentuk tertentu, selanjutnya masyarakat tertentu. Masyarakat ialah wadah kebudayaan.

Dalam fahaman islam Quran bukan sahaja mewajibkan hubungan pertama iaitu manusia dengan tuhan berbentuk tata agama. Hubungan kedua sesama manusia dengan manusia berbentuk sosial, Sosial membentuk masyarakat, yang menjadi wadah kebudayaan. Dalam istilah islam hubungan pertama berbentuk ibadah dan hubungan kedua ialah mu'amalat

Rujukan "Quran" menyatakan asas agama dan kebudayaan, Ayat-ayat Quran yang mengandungi hubungan manusia dengan hubungan manusia (serta manusia dan alam) merupakan prinsip-prinsip kebudayaan. Dengan ini Paklah berasa senang untuk mengikuti dan menerap idea-idea atau nilai moral dari ajaran islam. Hal ini membangkitkan beliau untuk membentuk masyarakat Malaysia sebagai masyarakat penyayang. Setiap insan memerlukan naluri melanjutkan hidup. Naluri mengandungi naluri menyayangi hidup kita sendiri naluri menolong orang lain. Untuk mempertahankan kehidupan jasmaniah memerlukan material atau benda. Segala sesuatu tentang benda ini membawa manusia kepada segi kehidupan ekonomi, politik dan sosial. Bagi menjejarkan aspek ini masyarakat harus mempertimbangkan nilai-nilai kemanusiaan.

# **BIBLIOGRAFI**

Muhd. Mansur Abdullah, Ke Arah Sistem Tolong-Bantu Masakini, Penerbitan Tratra, 1984.

Syed Husin Ali, Masyarakat dan Pimpinan Kampung di Malaysia, Penerbitan Fajar Bakti Sdn.Bhd, Kuala Lumpur, 1979.

Dato Dr.Abd Monir Yaacob, Utusan Malaysia 11 Julai 2003 (Jiran Jadi Asas Masyarakat Penyayang)

Edward De Bono, Revolusi Positif, Golden Books Centre Sdn.Bhd, 2000.

Drs. SIDI GAZALBA., Masyarakat Islam Muka Surat 12

## **Laman Web:**

[http://www.masyarakat penyayang.com](http://www.masyarakatpenyayang.com)

[http://www.orang kurang upaya.com](http://www.orangkurangupaya.com)

[http://www.rumah kebajikan.com](http://www.rumahkebajikan.com)

[http://www.orang tua.com](http://www.orangtua.com)

[http://www.alam sekitar.com](http://www.alamsekitar.com)

[http://www.bencana alam.com](http://www.bencanaalam.com)

[http://www.flora dan fauna.com](http://www.floradanfauna.com)

[http://www.dasar ekonomi baru.](http://www.dasarekonomibaru)